

Kenyataan Tender Bil. 11/2026

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan/atau **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH TENDER DIBUKA, TAKLIMAT TAPAK DAN TENDER DITUTUP
2026/A042	Cadangan kerja-kerja pengisaran dan penurapan semula jalan di Jalan Tun Razak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Kawasan sekitar untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Harga Dokumen: RM1000.00	Berdaftar Dengan CIDB Gred G7 CE01 dan CE21 (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja)	<u>Tarikh Tender Dibuka</u> 30 Mac 2026 (Isnin) <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 17 April 2026 (Jumaat)
2026/A043	Cadangan kerja-kerja pengisaran dan penurapan semula jalan di Lebuhraya KL-Seremban (Fasa 3) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Kawasan sekitarnya untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Harga Dokumen: RM1000.00	Berdaftar Dengan CIDB Gred G7 CE01 dan CE21 (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja)	<u>Tarikh Tender Dibuka</u> 30 Mac 2026 (Isnin) <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 17 April 2026 (Jumaat)

1. Bagi pembelian dokumen tender, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang eperolehan.dbkl.gov.my. Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen tender dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi eperolehan.dbkl.gov.my
3. Berkuatkuasa serta – merta keperluan Sijil Pematuhan Cukai (**Tax Compliance Certificate - TCC**) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berstatus 'PATUH' adalah dokumen wajib untuk dipatuhi oleh setiap kontraktor
4. **Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan**

5. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Tender dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
6. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
7. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) dan laman sesawang eperolehan DBKL (eperolehan.dbkl.gov.my).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 30 Mac 2026 (Isnin)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my dan eperolehan.dbkl.gov.my